

LAYANG-LAYANG HANTU
Giant/Waterfall Swiftlet

FAMILI: Apodidae
NAMA SAINTIFIK: *Hydrochous gigas*

CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai panjang sayap antara 156-168 mm, ekor antara 58-66 mm (luar) dan 51-52 mm (dalam). Saiznya lebih besar berbanding spesies burung layang-layang yang lain. Keseluruhan bulu berwarna gelap dan ekornya bercabang. Bagi individu juvenil, bahagian bawah ekor adalah kurang putih kekelabuan dan bulu tengah pada ekor adalah tajam. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 16.0-16.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga yang berterbangan di udara.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan air terjun dan hutan dipterokarp sehingga ke ketinggian 800-1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *wicker* yang nyaring dan kuat.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan April hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan sebiji telur berwarna putih. Sarangnya berbentuk seperti kon, diperbuat daripada lumut, pakis dan bulu yang dicampur dengan air liurnya dan dilekatkan pada batu.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.